

Pemuda GHB minta SPRM dedah penderma RM2.6 bilion dalam 7 hari
The Malaysian Insider
August 4, 2015
Oleh Jamilah Kamarudin

Gerakan Anak Muda Harapan Baru hari ini memberi masa 7 hari kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mendedahkan individu yang memberi derma sebanyak RM2.6 bilion ke akaun perdana menteri.

Penyelarasnya Mohd Sany Hamzan berkata, pengesahan SPRM yang duit itu bukan daripada syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diragui dan kini timbul kesangsian yang penyumbang derma itu mempunyai kepentingan tertentu daripada Datuk Seri Najib Razak.

"Kita nak tahu siapakah penyumbang dana itu. Dan kalau boleh, kita berikan tempoh 7 hari kepada SPRM, dan penyumbang tersebut, untuk mendedahkan diri mereka yang mendermakan RM2.6 bilion ini.

"Kalau boleh kami pun hendak juga berjumpa penyumbang tersebut," katanya kepada pemberita sebelum membuat laporan di ibu pejabat SPRM di Putrajaya, hari ini.

"Kami merasakan orang yang memberikan sumbangan itu mempunyai kepentingan tertentu daripada perdana menteri, dan sudah tentu perdana menteri juga mempunyai kepentingan kepada mereka yang menyumbangkan sejumlah besar itu," kata Sany. – 4 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemuda-ghb-minta-sprm-dedah-penderma-rm2.6-bilion-dalam-7-hari>